

**Modal Insan Perlu Dipupuk Daripada Peringkat Muda – Rosmah
Bernama
12 Julai, 2012
Oleh M. Saraswathi**

BANGALORE, 12 Julai (Bernama) -- Modal insan adalah teras masa depan negara dan oleh yang demikian, adalah penting untuk mula memupuknya daripada peringkat muda dan selaraskannya dengan keperluan negara, perniagaan dan industri, kata Datin Seri Rosmah Mansor, isteri perdana menteri Malaysia.

"Kita tidak boleh hanya terus mengeluarkan kumpulan saintis apabila berlaku kelompangan dalam bidang kewangan dan ekonomi, misalnya. Malahan mungkin terdapat skrip serupa mengenai jenis bakat baik itu, namun skrip ini perlu sesuai dengan realiti di negara-negara kita," katanya.

Sekiranya pembangunan bakat tidak sepadan dengan keperluan negara, ia akan mengakibatkan kekurangan serius dalam sektor-sektor penting dan kehilangan bakat kepada negara lain, katanya.

"Tekanan untuk membangunkan jenis bakat yang betul untuk masa yang betul kini menjadi semakin penting," kata Rosmah semasa menyampaikan ucapan bertajuk "Membangunkan Bakat Bagi Masa Depan" pada Kongres Anugerah HRD (Human Resource Development) Asia 2012, di sini.

Turut hadir bekas Presiden Filipina Jen (B) Fidel V. Ramos, Menteri Perdagangan Luar Emiriah Arab Bersatu Sheikhha Lubna Khalid dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India Datuk Tan Seng Sung.

Rosmah berkata bakat-bakat baik juga perlu dilengkapi dengan etika, disiplin dan sistem nilai yang baik.

"Cabaran dan peluang kita, ialah, untuk memupuk mereka yang berbakat dan memiliki nilai dan etika baik supaya mereka dapat memanfaatkan dan menggunakan bakat mereka demi kebaikan manusia," katanya.

Oleh yang demikian, membangunkan dan memupuk minda bagi masa depan adalah sama penting, jikapun tidak lebih penting, daripada infrastruktur pembangunan, terutamanya pelaburan dalam pendidikan awal kanak-kanak, katanya.

Rosmah memberikan contoh Projek Permata, yang menumpukan pada pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak, sebagai antara langkah yang diambil Malaysia dalam membangunkan bakat masa depannya.

"Kehidupan awal kanak-kanak adalah tempoh paling kritikal dalam perkembangan manusia, dan 85 peratus daripada kemahiran intelek, personaliti dan sosial seseorang dipupuk dalam tempoh lima tahun pertama hidupnya.

"Kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal berkualiti dikatakan mempunyai tindak balas yang lebih baik terhadap kehidupan. Mereka bukan sahaja lebih berjaya pada peringkat umur muda tetapi juga kehidupan lebih baik apabila dewasa," katanya.

Projek Permata, bermula pada 2007, telah berkembang kepada lebih 600 pusat kanak-kanak Permata di Malaysia dan membantu dalam perkembangan kira-kira 25,000

kanak-kanak di kawasan luar bandar dan kalangan miskin bandar, tanpa mengira agama, bangsa dan kebudayaan mereka, katanya.

Rosmah berkata kualiti sistem pendidikan merupakan satu lagi ciri penting dalam persediaan untuk memenuhi keperluan masa depan masyarakat berikutan pembangunan pesat teknologi dan persekitaran yang semakin rumit.

Sistem pendidikan perlu memberi penekanan kepada kemanusiaan sains dan teknologi termasuk kompetensi pelbagai bahasa, serta termasuk pembelajaran mengenai kepelbagaian bangsa, di dalam negara dan antarabangsa, baik daripada segi fizikal dan maya, katanya.

Sistem ini mesti membantu pelajar untuk belajar dan berfikir secara kritikal, kreatif serta membolehkan mereka menyampaikan keputusan mereka dengan baik daripada semua aspek, katanya.

"Semua ini merupakan kemahiran kritikal yang perlu dimiliki pemimpin masa depan".

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679921>